

**IMPLIMENTASI ELEMEN MOTIVASI INTRINSIK TERHADAP  
PEMBANGUNAN DIRI REMAJA DI PUSAT MOTIVASI ALIHAN  
PELAJAR (MAP): ANALISIS DARI PERSPEKTIF ISLAM**

(The Implementation of Intrinsic Motivation Element of Intrinsic Motivation  
Towards Self-development of Adolescent in the Centre of Student Motivational  
Transition: An Islamic Perspective)

<sup>1</sup> NUR SHAHIDAH PAAD\*

<sup>1</sup> YUSMINI YUSOFF

<sup>1</sup> NORRODZOH SIREN

<sup>1</sup> Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti  
Malaya, Kuala Lumpur

---

**ABSTRAK**

Remaja adalah generasi penting kepada masa depan negara. Walau bagaimanapun, dalam menelusuri cabaran era globalisasi kini, negara amat memerlukan remaja yang membangun secara holistik dari aspek spiritual, emosi, intelek, sosial dan fizikal. Motivasi intrinsik yang sejajar dengan tuntutan Islam menjadi keperluan penting kepada remaja untuk mendepani cabaran tersebut. Dalam hal ini, pendidikan sepanjang hayat menerusi program motivasi bermodul adalah salah satu pendekatan yang berperanan membentuk motivasi remaja dalam ruang lingkup agama. Namun, sejauhmana peranan tersebut digalas dengan baik masih kurang dibincangkan. Sehubungan itu, makalah ini akan mengupas elemen motivasi intrinsik dalam modul pembangunan diri yang telah digunapakai oleh Pusat Motivasi Alihan Pelajar (MAP). Sebagai satu pusat motivasi yang berkonsep Islam, MAP telah bertanggungjawab memastikan konsistensi penggunaan modul pembangunan diri selama lebih dari lima belas tahun untuk membangunkan motivasi cemerlang dalam kalangan remaja muslim. Dengan menggunakan metode analisis kandungan modul, temubual dan pemerhatian turut serta, setiap elemen motivasi intrinsik dikupas daripada modul tersebut menurut perspektif Islam. Berdasarkan dapatan analisis, beberapa tema telah dikenalpasti daripada kesemua sebelas slot yang dimuatkan dalam modul tersebut

---

\*Corresponding author: Nur Shahidah Paad, Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi  
Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur; mel-e: idah\_44@yahoo.com

Diserahkan: 30 Januari 2015

Diterima: 4 Jun 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0801-04>

iaitu pembangunan potensi diri, matlamat hidup, keupayaan menilai dan membuat keputusan berdasarkan *sunnatullah* dan *syariatullah* serta pergantungan kepada Allah. Kesemua tema ini didapati telah menerapkan keempat-empat elemen motivasi intrinsik daripada perspektif Islam iaitu niat, *al-Thabat*, iltizam dan penghayatan serta elemen *al-'Afa'*. Oleh yang demikian, paradigma yang digunakan di dalam modul ini boleh menjadi rujukan kepada semua pihak yang bertanggungjawab untuk membentuk pembangunan diri remaja yang lebih holistik.

**Kata kunci:** Motivasi intrinsik; perspektif Islam; remaja; modul pembangunan diri dan motivasi alihan pelajar (MAP)

### **ABSTRACT**

*The generation of adolescents are important to the future of the nation. However, in addressing the current globalisation challenges, the country urgently needs adolescents who are well-developed in the spiritual, emotional, intellectual, social and physical aspects. Intrinsic motivation that corresponds to the teachings of Islam becomes the essential requirements for adolescents for them to face these challenges. In this regard, life-long learning through modular motivation program is one of the approaches, which builds adolescent's motivation within the scope of religion. However, to what extent had this role been carried out has not been widely discussed. Accordingly, this paper will explore the elements of intrinsic motivation in self-development module adopted by the Centre for Motivasi Alihan Pelajar (MAP). As a motivation centre with an Islamic concept, MAP has been consistently using the self-development module for more than fifteen years to develop excellent motivation among Muslim adolescents. Through the methods of content analysis of module, interviews and participant observation, all the elements of intrinsic motivation in the module will be discussed from the Islamic perspective. Based on the analysis, several themes have been identified from all eleven slots found in the module, which are the development of potentials, purpose of life, the ability to assess and make decisions based on the laws and syariatullah and dependence on God. All of these themes have applied all the four elements of Islamic intrinsic motivation, which are intention, al-thabat, commitment and appreciation as well as element of al-'A faf. Thus, the paradigm used in this module may be a reference to all those who are responsible in shaping a more comprehensive adolescent self-development.*

**Keywords:** *Intrinsic motivation; Islamic perspective; adolescent; self-development module and motivasi alihan pelajar (MAP)*

### **PENDAHULUAN**

Pendidikan secara formal didapati tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan motivasi pembangunan diri remaja secara holistik dalam mendepani pelbagai realiti dan cabaran era kemajuan dunia hari ini (Elizabeth 1999). Pembelajaran sepanjang

hayat didapati mampu menyediakan satu sistem pembelajaran yang terancang dan berterusan kepada remaja, tanpa terikat dengan batasan waktu dan ruang yang tertentu. Kebebasan ini membolehkan remaja menerima bimbingan daripada orang dewasa di samping dapat menggalakkan jalinan komunikasi interpersonal dalam kalangan mereka (Mahoney 2000). Kajian mendapati, pembelajaran tambahan dan bersifat alternatif di luar waktu sekolah dapat membantu remaja mengelakkan diri daripada terlibat dengan pelbagai masalah sosial yang kebanyakannya berlaku pada masa lapang (Atkins & Donnelly 2006; Bronfenbrenner & Morris 1998)

Prinsip pendidikan yang berterusan dan terancang amat ditekankan dan digalakkan dalam Islam. Dalam konteks pembangunan motivasi intrinsik, sifat berterusan dan terancang dalam sistem pendidikan Islam bertujuan untuk membangunkan motivasi diri remaja selari dengan falsafah pembangunan diri yang digariskan menerusi ajaran al-Quran dan sunnah. Menerusi falsafah tersebut, membangun motivasi intrinsik diri remaja secara berterusan dan berencana adalah penting dalam pembentukan elemen kerohanian individu remaja. Ini kerana, pembentukan elemen kerohanian ini mempunyai matlamat untuk membentuk khalifah Allah di atas muka bumi serta mencapai kecemerlangan di akhirat (Abdul Halim 1991). Usaha terhadap pencapaian matlamat ini didapati agak terhad menerusi sistem pendidikan formal. Ini kerana, sistem ini dibatasi oleh silibus, ruang dan waktu yang telah ditetapkan. Berbanding dengan sistem pendidikan formal tersebut, sistem pendidikan sepanjang hayat yang dilaksanakan di luar waktu sekolah dapat menyediakan remaja dengan lebih banyak informasi tambahan, serta pelbagai pendekatan yang lebih fleksibel. Oleh itu, remaja dapat menerima ruang dan peluang yang lebih besar untuk membina kecemerlangan yang seimbang dari seluruh aspek fizikal, emosi, intelek dan sosial pada diri remaja (Mohd Kamil & Rahimin 2009; al-Ra'du: 11). Justeru, pendidikan sepanjang hayat yang dibangunkan dalam kerangka Islam ini bukan sahaja berupaya merangsang motivasi dalaman dan kekuatan daya rohani yang positif malah mampu membentuk generasi yang berilmu, berminda positif, seimbang serta mampu hidup bermasyarakat dengan baik.

Di Malaysia, program yang berkonsep pendidikan sepanjang hayat semakin banyak dibangunkan untuk membentuk motivasi pembangunan diri yang positif dalam kalangan remaja. Pelbagai konsep dan pendekatan telah digunakan untuk mencapai objektif yang disasarkan dalam dasar pendidikan negara. Berhubung dengan ini, Colley, Hodkinson dan Malcom menjelaskan, tanpa memahami pola pembelajaran non-formal, perancangan program yang berkesan dan menarik penyertaan sukar dilaksanakan (Hodkinson et al. 2003). Manakala menurut Merriam & Caffarella (1999) pemahaman mengenai penyertaan pula penting untuk merangka pengisian program pembelajaran dan merangka polisi dalam pembelajaran bagi golongan tertentu. Pelbagai kajian ke atas pengisian program remaja khususnya pembangunan motivasi remaja telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kajian terhadap program motivasi remaja yang berkonsep Islam didapati masih berkurangan. Justeru, bagi

mengisi kekurangan tersebut, kajian ini menganalisis pengisian program motivasi remaja yang berkonsep Islam berdasarkan teori motivasi intrinsik yang dibincangkan dalam perspektif Islam.

Kajian ini memilih Pusat Motivasi Alihan Pelajar sebagai lokasi kajian kerana, Pusat Motivasi Alihan Pelajar yang diasaskan oleh Tengku Asmadi adalah sebuah organisasi yang berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat. Ia telah ditubuhkan sejak tahun 1995 dengan tujuan untuk membimbing golongan remaja ke arah pembangunan diri yang holistik. Dengan konsistensi kandungan modul yang digunakan sejak tahun 1995, pusat ini telah berjaya menarik seramai lebih 200,000 orang pelajar yang pernah berdaftar di bawah program ini. Keupayaan program ini dalam mengekalkan prestasinya sehingga kini, menyebabkan pengasasnya iaitu Tengku Asmadi dilantik untuk menjadi pengerusi kepada sebuah badan NGO iaitu Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis sejauh mana elemen-elemen Islam yang telah digunakan dalam Motivasi Alihan Pelajar menepati paradigma motivasi pembangunan diri yang digariskan dalam Islam.

### **KONSEP MOTIVASI INTRINSIK DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Motivasi adalah suatu kompenan yang sangat penting untuk membentuk remaja dan mengatasi pelbagai masalah sosial yang melibatkan mereka. Ini kerana, dari sudut psikologi motivasi merupakan perkara asas yang membentuk tingkah laku remaja. Ia mendorong kepada remaja untuk melakukan perbuatannya (Robert 1982) dan menentukan hala tuju perbuatan tersebut (Abdullah Hasan & Ainon Mohd 2008). Di samping itu, motivasi juga dapat mempengaruhi keputusan remaja sama ada untuk mengekalkan atau menghentikan sesuatu perbuatan (Ormrod 2006) dengan bergantung kepada matlamat yang ingin dicapai (Noor Azli et al. 2010). Ford (1992) menjelaskan, motivasi adalah *result from the interplay of goals, emotions and the person's sense of personal agency*, iaitu seseorang bukan sahaja bermotivasi untuk melakukan sesuatu perbuatan kerana manfaat daripada ganjaran yang bakal diperolehi daripada perbuatannya, tetapi ia juga disebabkan oleh keyakinan terhadap kemampuannya untuk melakukan perbuatan tersebut.

Dalam Islam, motivasi intrinsik adalah dorongan yang wujud dari dalam diri remaja berpunca daripada niat di dalam hati. Niat ini berperanan mencetuskan seluruh tingkah laku yang membentuk pembangunan diri remaja (Baharuddin 2007). Niat merupakan suatu matlamat yang telah diputuskan secara nekad oleh elemen kognitif dan efektif manusia untuk dilaksanakan sebagai suatu perbuatan (al-Ghazali 1995). Unsur-unsur dalaman diri remaja yang terdiri daripada elemen-elemen kerohanian manusia iaitu fitrah semulajadi dan sifat-sifat luhur atau potensi diri yang baik (al-A'raf: 172 ; al-Hijr: 29) adalah elemen yang berperanan membentuk niat tersebut. Oleh yang demikian, elemen kerohanian merupakan tapak yang paling asas terhadap



seluruh pembentukan tingkah laku manusia (Ansari 2002). Berhubung dengan ini, Islam meletakkan pembangunan diri remaja harus bermula dengan pembangunan unsur-unsur kerohanian. Di mana, asas terhadap pembangunan rohani ini adalah kesedaran terhadap tujuan dan tanggungjawab hidup sebagai hamba dan khalifah Allah di atas muka bumi (al-Mukminun: 115). Kesedaran terhadap tujuan dan tanggungjawab ini di dalam Islam akan memotivasi diri remaja untuk membentuk pembangunan diri yang selari dengan tuntutan Islam (Ansari 2002).

Fitrah semulajadi diri remaja telah diberi semasa peristiwa perjanjian (*mithaq*) antara roh manusia dengan Allah ketika di alam *arwah* (alam roh). Menerusi perjanjian tersebut, roh manusia telah diberi kesedaran tentang hakikat bahawa Allah adalah Tuhan untuk sekalian makhluk *God-Consciousness* (Amber 1998). Kesedaran ini sekaligus menjadikan remaja telah memiliki iman ketika dilahirkan. Dalam konteks pembangunan diri, keimanan ini adalah kesedaran dan kepercayaan sepenuhnya bahawa Allah SWT adalah tujuan hakiki kepada pembangunan diri (Alawneh 1998). Ia perlu menjadi faktor asas yang akan mendorong seluruh motivasi diri remaja. Ini kerana, keimanan ini akan mempengaruhi daya kognitif dan efektif remaja untuk menstruktur minda dan pemikiran mereka agar dapat menetuskan motivasi pembangunan diri yang positif sejajar dengan kehendak Islam (Achoui 1998).

Walau bagaimanapun, iman perlu disuburkan untuk membolehkan ia berfungsi dengan baik. Justeru, Allah SWT telah mengurniakan pelbagai potensi diri kepada remaja agar dapat digunakan untuk mengoptimumkan fungsi iman tersebut. Segala potensi yang dibekalkan ini adalah berasal daripada roh yang ditiupkan kepada remaja ketika masih berada di alam rahim. Menerusi tiupan roh ini, remaja lahir dengan memiliki pelbagai potensi diri yang baik sekaligus menjadikan remaja adalah manusia yang sangat istimewa berbanding makhluk yang lain. Menurut Hassan Langgulung (1992) dalam usaha membangunkan diri, potensi ini perlu digunakan secara selari dengan fitrah keimanan agar keunggulan diri mampu dicapai.

Potensi utama yang dibekalkan kepada remaja ini adalah terdiri daripada *al-qalb*, *al-aql* dan *al-nafs*. Ketiga-tiga potensi ini mempunyai fungsi tersendiri namun, kesemuanya harus digunakan secara bersama oleh remaja untuk memaksimumkan penggunaannya. *Al-Aql* berperanan untuk menyelidik, memikir serta mengetahui tentang hakikat sesuatu perkara (Najati 1993). Akal ini ialah akal yang mampu bergerak aktif menggali ilmu pengetahuan menerusi cara pembelajaran, pemikiran (al-Ghazali 1977) menetuskan akhlak yang mulia dan seterusnya memberikan kebahagiaan dalam hidup manusia (al-Farabi 1970). *Al-Qalb* pula dalam definisi kedua yang diberikan oleh al-Ghazali adalah entiti spiritual yang bersifat ketuhanan atau *rohaniah* (al-Ghazali 1977). *Al-Qalb* dalam definisi ini juga dapat memahami dan mengetahui selain berupaya menampung pelbagai emosi dan penyakit hati manusia seperti takut, gelisah, harapan, ketenangan, hasad, riak, dendam dan sebagainya (al-Attas 1990). Dari sudut pemahaman, hati berbeza dengan akal kerana

hati manusia dapat memahami perkara yang bersifat rasional dan emosi tetapi akal lebih cenderung untuk memahami perkara-perkara yang bersifat data, dan konkrit (al-Attas 1990). Kombinasi antara akal dan hati ini memotivasikan diri remaja untuk menjadi golongan *Ulul Albab*. Mereka akan berusaha secara aktif membangunkan jiwa dan minda. Dengan ini, setiap perkara akan dapat dinilai dengan jelas dan teliti dari sudut pandang ajaran Islam (al-Tabari 1978) dan sentiasa dikaitkan dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah (Najati 1993)

Selain itu, untuk mencapai keunggulan diri, remaja juga perlu menggunakan kombinasi antara dua potensi *al-aql* dan *al-qalb* ini untuk mengekang kecenderungan hawa nafsu yang melampau. Seperti mana *al-aql* dan *al-qalb*, remaja juga telah dikurniakan dengan *al-nafs*. *al-nafs* ini diciptakan dengan kecenderungan terhadap kesenangan dan kenikmatan dunia. Ia juga begitu senang dipengaruhi oleh minda, kehendak, akal, hati dan lain-lain proses kognitif manusia. Oleh itu, *al-nafs* yang tidak dikawal dengan baik, akan menjadi buas dan merosakkan jiwa remaja seterusnya menggagalkan proses pembangunan diri. Justeru, merangsang pembangunan potensi *al-aql* dan *al-qalb* untuk mendisiplinkan *al-nafs* amat penting untuk membebaskan jiwa daripada belenggu dan penguasa nafsu yang merosakkan. Keupayaan *al-aql* dan *al-qalb* ini dalam pengawalan *al-nafs* ini akan meletakkan *al-nafs* pada tahap-tahap yang tertentu. *Al-nafs* boleh berada pada tahap *al-Nafs mutmainnah* iaitu keadaan nafsu yang tenang, dan sentiasa diredhai oleh Allah SWT apabila dikawal dengan baik oleh *al-aql* dan *al-qalb* (al-Fajr: 27-30) mengikut panduan Allah SWT (Mohamed 1998) atau pada tahap *al-nafs lawwamah* iaitu jiwa tidak sepenuhnya bebas dari godaan hawa nafsu namun, nafsu ini mudah menyesali perbuatannya (al-Qiyamah: 1-2) atau juga pada tahap *al-nafs ammarah* apabila *al-nafs* itu sendiri bertindak mendominasi jiwa dan keupayaan kognitif remaja (Yusuf: 53).

Oleh itu, remaja perlu sentiasa berusaha membentuk dan membimbing rohnya (*al-aql*, *al-qalb* dan *al-nafs*) untuk mencapai tahap *al-nafs al-mutmainnah* agar motivasi pembangunan diri yang sejajar dengan kehendak Islam dapat dicetuskan (Mohamed 1998). Motivasi yang tercetus daripada manifestasi *al-nafs al-mutmainnah* ini akan merangsang kekuatan jiwa untuk membentuk niat, semangat dan keazaman yang tinggi untuk membangunkan diri secara lebih konsisten dalam apa jua situasi dan halangan yang terpaksa dihadapi.

### **ELEMEN INTRINSIK DALAM MODEL MOTIVASI DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Berdasarkan kepada konsep motivasi intrinsik daripada perspektif Islam di atas, terdapat beberapa elemen yang perlu dititikberatkan apabila model motivasi dibina. Elemen-elemen intrinsik tersebut kemudian diterjemahkan dalam bentuk amalan yang menjadi modus operandi sesuatu modul latihan. Beberapa elemen berkenaan adalah seperti berikut:

### **Elemen Niat**

Perbuatan niat dan implikasi daripadanya mempunyai nilai tersendiri di sisi Allah. Ini kerana di dalam niat telah tersirat rangsangan tertentu untuk mencetus dorongan. Niat berlaku hasil daripada fungsi gabungan daya kognitif dan afektif individu. Keadaan kognitif dan afektif ini tidak boleh diabaikan dan perlu sentiasa dikawal dari semasa ke semasa. Aspek kawalan yang baik datang dari hubungan yang baik dengan Allah.

### **Elemen *al-Thabat***

Elemen ini melibatkan keyakinan yang tinggi terhadap sesuatu perkara yang dilakukan. Keyakinan ini pula adalah berteraskan kepada iman yang akan menghasilkan sifat takwa, tawakal dan optimis. Keyakinan seperti ini boleh menjadi sumber kuasa (*force*) yang membentuk cara berfikir dan bertingklaku remaja. Pegangan kepada usaha kemudian berserah diri (tawakal) menunjukkan pergantungan yang bersifat objektif dan bukan harapan kosong semata-mata. Dalam Islam, elemen *al-Thabat* diiring dengan doa. Doa berperanan untuk mengukuhkan keyakinan dan pergantungan sepenuhnya kepada Tuhan. Elemen ini adalah sesuatu yang berakar umbi dalam hati dan bukan sekadar ucapan atau teori. Keyakinan sedemikian akan mendorong kepada kerja-kerja susulan dan tidak hanya menunggu dengan berpeluk tubuh.

### **Elemen Iltizam dan Penghayatan**

Termasuk dalam kategori ini ialah konsep-konsep seperti bertekad, berazam, berharap, tekun, cermat dan teliti, berkualiti, istiqamah, berterusan dan tidak berputus asa (Abi Ja'far 1934) Elemen ini merujuk kepada dorongan untuk menghayati semua bentuk kemahiran dan ilmu dalam proses membina diri. Walaubagaimanapun, sebagaimana yang disebut di dalam hadis riwayat Bukhari dan Muslim:

Nabi SAW ditanya “Amalan apakah yang paling dicintai Allah?” Baginda menjawab “Yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit”, lalu Baginda bersabda: “Beramallah sesuai dengan kemampuan kalian”.

Hadis ini menjelaskan bahawa dalam melakukan proses iltizam, penilaian dan pemahaman terhadap tahap kemampuan diri dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab adalah amat penting. Iltizam yang baik ialah dorongan untuk sentiasa tekad dan beristiqamah.

### **Elemen *al-'Afaf***

Perkataan *al-'afaf* berasal daripada perkataan *'affa* atau *'iffah* yang bermaksud berhemah tinggi. Elemen ini membantu remaja memelihara diri daripada perkara yang boleh mencemar maruah dan kehormatan diri, serta daripada sesuatu yang

dilihat tidak baik dan tidak bermoral. Dalam konteks pembangunan diri, elemen ini boleh digunakan untuk memupuk pertimbangan yang sihat dalam diri individu terhadap sesuatu perkara dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab.

Semua elemen berkenaan penting untuk mengukuhkan sistem nilai yang akan menentukan keadaan jiwa remaja. Keadaan jiwa yang dimiliki pula menjadi asas kepada pembentukan sikap atau akhlak. Menurut Abul Quasem (1975):

*Character means an established state (of the soul) from which actions proceeds easily without any need for reflection and deliberation. If this state is such that good actions - i.e. those which are praised by reason and the syari'a - proceed from it, it is called good character. If the action which proceed from the state are evil, the state from which they derive, is called bad character (h. 79-80)*

Berdasarkan kepada petikan ini, kecenderungan sikap seseorang boleh berlaku secara spontan kerana ia lahir daripada posisi atau keadaan jiwa yang telah sebatu dalam diri manusia. Jika jiwa telah dididik dengan baik maka bentuk yang sama akan dimanifestasikan melalui sikap atau akhlak, dan begitulah juga sebaliknya.

### **IMPLIMENTASI MOTIVASI INTRINSIK DALAM MODUL MOTIVASI ALIHAN PELAJAR (MAP)**

Modul MAP digunakan oleh Pusat Motivasi Alihan Pelajar secara konsisten dengan memberi fokus terhadap pembangunan kecemerlangan remaja muslim secara holistik. Modul yang disampaikan menerusi program dua hari ini menekankan kepada empat aspek utama iaitu, aspek pembangunan potensi dan kerohanian, pembentukan sikap dan jati diri, peningkatan prestasi pembelajaran serta kemahiran komunikasi dan kepimpinan. Dalam perlaksanaannya pula, Modul MAP (2014) telah mensasarkan objektif untuk memberi kesedaran, menyuntik semangat dan mencetus perubahan dalam kalangan para peserta berhubung dengan keempat-empat aspek ini. Bagi mencapai objektif tersebut, pendekatan integratif yang menggabungkan elemen emosi, pemikiran, spiritual dan keperluan mental-fizikal telah digunakan bertujuan untuk memberi pengisian yang berimpak tinggi. Oleh itu, ceramah pengisian Modul MAP (2014) yang disampaikan diperkukuh dengan alunan muzik dan zikir, tayangan slaid, unsur humor, kepelbagaian intonasi suara, teknik penceritaan serta pergerakan anggota badan oleh penceramah dan para peserta sepanjang program berlangsung. Secara keseluruhan, di dalam modul MAP (2014) ini terdapat sebelas slot motivasi yang telah dimuatkan iaitu slot disiplin, tumpuan, Matlamat Pelajar Super, Matlamat Hidup Insan, Teknik Belajar SPA, Palestin, Sikap, Pelaziman Minda, Tanggapan, Ibu bapa dan Yakin dan Berani. Bagi menghuraikan implimentasi motivasi intrinsik di dalam Modul tersebut, kesemua sebelas slot ini dianalisis berdasarkan kepada beberapa petunjuk pembinaan modul motivasi Islam.

Secara umum, berdasarkan kepada elemen-elemen motivasi intrinsik dari perspektif Islam yang telah dibincangkan di atas, terdapat tiga petunjuk penting yang perlu dititikberatkan dalam pembinaan modul motivasi iaitu pertama: ketakwaan dan hubungkait dengan fitrah manusia yang ditekankan menerusi persoalan tujuan atau matlamat hidup. Kedua: *tazkiyah al-nafs* iaitu kaedah penyucian jiwa yang dilakukan melalui teknik penghayatan solat, zikir dan doa. Ketiga: potensi-potensi rohaniah manusia yang dikaitkan dengan pembangunan potensi diri, pembentukan niat dan cara membuat penilaian serta keputusan sesuai dengan syariat Allah.

Hasil analisis dengan menggunakan tiga petunjuk ini mendapati, terdapat beberapa tema yang timbul dari keseluruhan kandungan slot Modul MAP (2014). Tema-tema tersebut terdiri daripada pembangunan potensi diri, matlamat hidup, keupayaan menilai dan membuat keputusan berdasarkan *sunnatullah* dan *syariatullah* serta pergantungan kepada Allah SWT. Di bawah, tema-tema ini akan dihuraikan.

### **Pembangunan Potensi Diri**

Menurut Tengku Asmadi (2013), program selama dua hari yang dilaksanakan menerusi modul MAP ini adalah program asas yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang siapa diri mereka dan apa potensi diri yang dimiliki. Justeru, menurut beliau memberi pengetahuan dan menyuntik kesedaran para pelajar adalah kaedah utama yang banyak digunakan menerusi modul MAP tersebut. Dalam hal ini, aspek keagamaan diakui sebagai elemen yang sering dikaitkan sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam setiap slot (Modul MAP 2014).

Berdasarkan kepada observasi yang dilakukan pada 2013 dan 2014, penilaian modul pengisian untuk mengajak remaja membangunkan potensi diri adalah pengisian yang paling banyak diterapkan di dalam modul MAP. Pengisian yang menyentuh aspek potensi diri peserta didapati telah dimuatkan dalam kesemua 11 slot motivasi MAP. Penekanan terhadap elemen potensi diri bertujuan menjelaskan dan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang keistimewaan diri, peranan setiap potensi tersebut dan keupayaannya dalam menjana motivasi pembangunan diri mereka (Tengku Asmadi 2013). Dalam hal ini, menerusi slot Matlamat Hidup Insan, para pelajar telah diingatkan bahawa kurniaan potensi adalah untuk mencapai matlamat sebagai hamba dan khalifah Allah. Justeru, dalam hal ini para pelajar disarankan supaya membangunkan segala potensi yang dimiliki mengikut *sunnatullah* dan *syariatullah* untuk mencapai matlamat tersebut. Garis panduan yang terperinci turut diberi kepada pelajar, antaranya mengajar kaedah membentuk niat yang betul agar segala perbuatan mempunyai nilai ibadah. Dalam hal ini, para pelajar disarankan supaya menggunakan akal fikiran untuk menilai suatu perbuatan yang ingin dilaksanakan dari segi kesan, dan kaedah pelaksanaannya agar tidak melanggar syariat Islam (Modul MAP 2014).

Selain itu, para pelajar juga diseru untuk sentiasa melaksanakan ibadah wajib dan sunat yang dituntut oleh Islam di samping melakukan teknik pelaziman minda

dengan cara muhasabah diri. Teknik pelaziman minda tersebut dikatakan bertujuan untuk membangun dan menguatkan lagi keupayaan potensi diri yang sedia ada dalam diri pelajar (Rashid 2013). Penekanan terhadap amal ibadah yang diberi pula adalah untuk mendidik dan membimbing para pelajar untuk membersihkan dan membentuk jiwa mereka (Rashid 2013). Penceramah telah membentangkan dan memperincikan enam cara yang perlu dilaksanakan oleh para pelajar supaya segala amalan mereka dapat membentuk ibadah. Pertama melalui niat, pelajar diberitahu bahawa niat mestilah sentiasa diperbetulkan dan sentiasa ikhlas kerana Allah Taala. Kedua, mengikut syariat Islam iaitu dengan berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah. Ketiga, tidak melalaikan iaitu pelajar disarankan agar sentiasa melakukan perkara yang tidak melalaikan diri dari tujuan sebenar kehidupan. Keempat, melakukan perbuatan yang tiada unsur maksiat. Kelima, perbuatan yang memberi kesan dan keenam, membuat sesuatu dengan cara tepat dan terbaik.

Dalam menjelaskan kepentingan ibadah untuk membangun potensi diri, para pelajar bukan sahaja sering ditekankan untuk melaksanakan ibadah solat secara sempurna, malah perkara-perkara yang menghalang pembangunan potensi diri seperti melanggaran *sunnatullah*, tanggapan atau cara fikir yang negatif, sikap buruk yang tidak terkawal serta kegagalan merancang secara sistematik dan berstrategi (Hakimin Hassan 2013) sering ditegaskan sebagai perkara yang perlu dibuang dan dijauhi. Menjelaskan hal ini, definisi laungan azan *hayya ala al-salāh, hayya ala al-falāh* diberikan dan dikaitkan dengan hal tersebut (Hakimin Hassan 2013). Senarai ayat sabotaj diri seperti 'aku tak bole', 'kau lain aku lain', 'kau kaya aku miskin', 'aku dah cuba', 'nasib kau baik' dan 'aku dilahirkan untuk gagal' (Modul MAP 2014) telah dibentangkan dan para pelajar digesa agar mengelakkan diri daripada sering menggunakan ayat-ayat tersebut dalam kehidupan seharian.

Bagi menyuntik semangat para pelajar untuk membangunkan potensi diri, elemen yang menyentuh emosi dan pemikiran para pelajar banyak digunakan. Teknik ini dikatakan bertujuan bagi memastikan kesan ingatan jangka panjang pada diri pelajar terhadap saranan yang diberi (Tengku Asmadi 2013). Misalnya, dalam Observasi yang dilakukan para pelajar digambarkan dengan beberapa contoh kegagalan individu kerana masalah sikap dan cara pemikiran yang salah. Selain itu, sepanjang kursus dua hari MAP tersebut, para penceramah sering meminta para pelajar untuk melaungkan secara berulang kali ayat-ayat seperti, *bangkit Islam bangkit, do my best, do my very best, if you believe you will achieve* dan *winner never quit, quitter never win* (Modul MAP 2014).

### **Matlamat Hidup**

Dalam modul MAP, elemen matlamat fitrah hanya ditekankan menerusi beberapa slot iaitu, slot Disiplin, Matlamat Pelajar Super, Matlamat Hidup Insan, dan slot Pelaziman Minda (Modul MAP 2014). Menerusi slot-slot tersebut, modul MAP didapati telah menjelaskan dan memberi kesedaran kepada para pelajar tentang dua



matlamat kehidupan yang perlu dicapai. Sebagai manusia, para pelajar diingatkan bahawa matlamat utama mereka dalam kehidupan adalah untuk menjadi hamba dan khalifah Allah yang baik (Rashid 2013). Bagi menjelaskan perkara ini, para pelajar dibentangkan dengan surah al-Dzaariyat ayat 56. Menerusi ayat tersebut dua tujuan utama ini telah dijelaskan oleh Allah (Rashid 2013). Sementara sebagai seorang pelajar pula, para pelajar telah ditekankan tentang kepentingan memiliki matlamat atau cita-cita tertentu yang harus dicapai dalam kehidupan di dunia, supaya mereka menjadi seorang individu yang mempunyai hala tuju, perancangan yang teliti, bermotivasi dan sentiasa berada pada landasan yang betul (Rashid 2013). Dalam hal ini, para pelajar telah diingatkan dengan kata-kata saidina Ali bahawa "nilai seorang manusia adalah berdasarkan kepada cita-citanya" digunakan bagi menguatkan lagi hujah tentang kepentingan matlamat dan cita-cita tersebut.

Garis panduan yang betul untuk mencapai dua bentuk matlamat tersebut dibentangkan kepada para pelajar iaitu, para pelajar perlu memastikan matlamat yang disasarkan dan kaedah pencapaian matlamat yang digunakan adalah selari dengan kehendak syariat Islam (Hakimin Hassan 2013). Para pelajar juga dinasihatkan agar lebih serius dan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dalam Slot Matlamat Pelajar Super, pendekatan dan pengisian yang tegas telah digunakan untuk memastikan kesungguhan tersebut. Para pelajar diminta menyenaraikan cita-cita mereka dan penceramah membaca kesemua cita-cita yang ditulis oleh pelajar. Kemudian para pelajar ditanya satu soalan secara tegas iaitu: "ketika kamu menulis cita-cita itu, adakah kamu serius atau main-main?". Soalan ini bukan bertujuan untuk menimbulkan persoalan tanpa jawapan dalam kalangan pelajar. Sebaliknya, menerusi slot Matlamat Pelajar Super ini, penceramah sekali lagi menegaskan bahawa aspek tanggungjawab dan kesungguhan adalah sikap utama yang akan memastikan remaja mencapai cita-cita mereka. Penceramah meminta para pelajar yang tidak serius untuk mengoyak kertas yang ditulis mengenai cita-cita mereka dan menyuruh para pelajar tersebut menjadi orang yang bersungguh-sungguh.

Selain itu, menerusi slot disiplin, juga penceramah telah menekankan kepentingan disiplin diri untuk mencapai matlamat. Pelajar disarankan agar terus menjaga disiplin dalam solat, serta konsisten melakukan muhasabah diri agar sentiasa dapat mendekati diri dengan Allah SWT. Menurut Tengku Asmadi (2013), konsistensi dalam melakukan muhasabah diri akan membantu para pelajar menstruktur dan mengawal emosi serta pemikiran supaya motivasi diri yang stabil dan kukuh dapat dipastikan dalam apa juga situasi, cabaran dan halangan yang di hadapi oleh pelajar. Kaedah muhasabah diri yang diajar kepada pelajar ini telah dimuatkan dalam Slot Pelaziman Minda. Para pelajar diajar supaya sentiasa melazimi diri untuk menyebut azam, dan cita-cita mereka secara positif, supaya cita-cita dan azam tersebut dapat mudah diserap dan diprogramkan ke dalam jiwa kesedaran pelajar dan seterusnya berubah menjadi tabiat (Tengku Asmadi 2013). Ini kerana, menurut Rashid (2013) segala yang dilakukan di alam realiti secara hakikatnya adalah

bermula dengan satu gambaran yang terdapat dalam pemikiran pelajar. Oleh itu, satu gambaran jelas tentang matlamat yang ingin dicapai perlu disematkan terlebih dahulu di dalam jiwa dan pemikiran agar benar-benar mampu direalisasikan.

### **Keupayaan menilai dan membuat keputusan berdasarkan *sunnatullah* dan *Syari'atullah***

Berdasarkan observasi yang dilakukan, elemen keupayaan menilai dan membuat keputusan mengikut *sunnatullah* dan *syari'atullah* adalah elemen yang banyak diterapkan dalam modul MAP. Rashid (2013) menjelaskan, penerapan elemen ini bertujuan supaya para pelajar jelas bahawa mereka telah diberikan begitu banyak pilihan di dalam kehidupan untuk membantu mereka mencapai matlamat. Menerusi slot Matlamat Hidup Insan dan Matlamat Pelajar Super, para pelajar diingatkan bahawa mereka perlu membuat pilihan yang betul dan bertepatan dengan ajaran Islam agar mampu mencapai matlamat fitrah sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini (Modul MAP 2014). Sebagai seorang pelajar, teknik dan strategi pembelajaran yang betul seperti di dalam slot Tumpuan dan Slot Pembelajaran SPA diajar supaya pelajar dapat menggunakan cara yang lebih bersistematik untuk mencapai kejayaan (Modul MAP 2014). Menerusi kedua-dua slot tersebut, para pelajar bukan sahaja dapat mengetahui bagaimana cara mengatasi rasa mengantuk ketika belajar, malah mereka turut diajar secara terperinci dengan teknik-teknik belajar, teknik memberikan tumpuan dan teknik menyalin nota (Modul MAP 2014).

Sementara itu, menerusi slot Palestin serta slot Yakin dan Berani pula, para pelajar secara teori dan praktikal telah diberi pengajaran bahawa, mereka pasti berdepan dengan pelbagai cabaran untuk membuat pilihan-pilihan yang benar mengikut *sunnatullah* dan *syari'atullah*. (Modul MAP 2014) contohnya dalam slot Pidato, para pelajar telah diarahkan membuat satu karangan tentang 'janji saya'. Selepas itu, mereka telah diminta untuk naik ke pentas menyampaikan karangan tersebut dihadapan ratusan rakan-rakan yang lain (Modul MAP 2014). Dalam situasi tersebut, pelbagai halangan dan cabaran dihadapi oleh pelajar sama ada cabaran dalaman mahupun luaran. Cabaran dalaman misalnya seperti rasa tidak yakin, rasa malu dan rasa takut. Manakala cabaran luaran pula adalah cabaran yang datang dari rakan-rakan seperti ejekan dan gelak tawa terhadap penyampaian mereka (Modul MAP 2014). Perkara seperti ini menurut Tengku Asmadi (2013), memang sengaja didedahkan kepada para pelajar supaya mereka jelas tentang realiti kehidupan. Walau bagaimanapun, menerusi slot-slot tersebut para pelajar kemudiannya diajar pula tentang cara menggunakan potensi-potensi diri mereka dengan baik ketika berhadapan dengan cabaran tersebut.

Perkara yang sama ditekankan di dalam slot Pelaziman Minda dan Tanggapan. Menerusi slot, ini para pelajar sekali lagi ditekankan bahawa mereka diberi kebebasan memilih oleh Allah SWT dalam kehidupan mereka, tanggungjawab ke atas setiap pilihan yang dibuat serta ganjaran dan balasan yang bakal diterima setimpal dengan

pilihan mereka. Para pelajar dijelaskan dengan melakukan demonstrasi mengoyak kertas di hadapan para pelajar. Dalam demonstrasi tersebut, penceramah menjelaskan kepada para pelajar bahawa beliau bebas untuk mengoyakkan kertas tersebut jika dia mahu dan dia memilih untuk mengoyakkan kertas tersebut. Menurut penceramah, pilihan dan tindakannya tidak boleh dihalang oleh sesiapa dan dia dapat meramalkan bahawa kertas tersebut akan koyak selepas dikoyakkan. Namun demikian, penceramah turut menegaskan kepada para pelajar bahawa dia perlu bertanggungjawab atas tindakan itu dan kertas tidak akan koyak sekiranya tidak diizinkan oleh Allah. Berdasarkan observasi, demonstrasi yang ditunjukkan telah berjaya memberikan lebih kefahaman kepada para pelajar tentang konsep kebebasan memilih.

### **Pergantungan kepada Allah SWT**

Berdasarkan analisis, elemen pergantungan kepada Allah SWT dalam usaha membentuk motivasi pembangunan diri telah diterapkan ke dalam semua slot MAP sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (Modul MAP 2014). Menerusi beberapa slot tertentu seperti Matlamat Pelajar Super, Matlamat Hidup Insan, Palestin, Tanggapan dan slot ibu bapa, para pelajar telah ditegaskan dengan kenyataan bahawa, pencapaian dalam kejayaan dan kebahagiaan hidup adalah amat bergantung kepada kehendak, kuasa dan kebesaran Allah SWT. (Modul MAP 2014) Justeru, menerusi slot-slot tersebut juga para pelajar digesa agar membina matlamat yang tidak membawa kepada kemurkaan Allah untuk memastikan matlamat yang ingin dicapai diberkati seterusnya mengundang rahmat dan pertolongan Allah SWT. (Modul MAP 2014) Konsep berkat ini juga telah ditekankan menerusi slot Palestin, di mana para pelajar telah digalakkan untuk bersedekah kepada penduduk Palestin. Dalam hal ini, amalan sedekah dijelaskan sebagai amal ibadah yang turut membuka pintu rahmat dan pertolongan Allah (Modul MAP 2014).

Sementara itu, di dalam slot Tanggapan pula meskipun para pelajar ditekankan boleh membuat pilihan sendiri dalam kehidupan mereka, namun segalanya hanya dapat berlaku dengan kekuasaan dan keizinan Allah SWT. Justeru, dalam hal ini menerusi slot Ibu bapa dan Matlamat Hidup Insan para pelajar digesa agar membentuk niat yang benar dan ikhlas, sentiasa melakukan munajat memohon keampunan serta mendekatkan diri dengan Allah SWT agar diberi *taufiq* dan *hidayah* untuk berjaya membangunkan diri menjadi ummat yang cemerlang (Modul MAP 2014).

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada analisis kandungan Modul Motivasi Alihan Pelajar di atas, unsur-unsur pembinaan modul motivasi intrinsik yang terdiri daripada keimanan, ketaqwaan, *tazkiyah al-nafs*, pembangunan potensi diri, pembentukan niat dan kaedah pelaksanaan keputusan didapati telah diterapkan secara menyeluruh ke dalam setiap pengisian slot modul MAP. Penerapan tersebut telah dilakukan dengan menggunakan dua cara iaitu sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Menerusi

pendekatan secara langsung, isi-isi yang disampaikan kepada para peserta dikaitkan secara terus dan jelas berkaitan dengan elemen motivasi intrinsik. Manakala menerusi pendekatan secara tidak langsung pula, elemen motivasi intrinsik diterapkan secara tersirat iaitu menerusi kombinasi teknik integratif yang digunakan dalam penyampaian modul. Berhubung dengan ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, Modul MAP telah mengimplimentasikan keempat-empat elemen motivasi intrinsik iaitu niat, *al-thabat*, iltizam dan penghayatan serta *al-afaf* secara berintegrasi. Ini dilakukan supaya, pengisian modul tersebut dapat meninggalkan kesan rangsangan dan galakan yang konsisten terhadap kesedaran serta perubahan untuk pembangunan diri remaja.

### RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Abdul Halim El-Muhammadiyah. 1991. *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin, dan Peranan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abī Ja‘far Umar al-Qazwinī. 1934. *Mukhtasar Sha‘b al-Imān lī al-Imām al-Baihaqī*. Kaherah: t.pt.

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2008. *Panduan Menggunakan Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Cet. Ke-4. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Abul Quasem, Muhammad. 1975. *The Ethics, of al-Ghazali, A Composite Ethics in Islam*. Petaling Jaya: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Achoui, Mustapha. 1998. Human Nature from a Comparative Psychological Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15 (4): 71-95.

Alawneh, S. F. 1998. Human Motivation: An Islamic Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15 (4).

Amber Haque. 1998. Psychology and Religion: Their Relationship and Integration from an Islamic Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15: 4.

Ansari, Z. 2002. Islamic Psychology. Dlm. R.P. Olsen (ed.). *Religious Theories of Personality and Psychotherapy: East Meet West*. Hlm. 325-357. New York: Haworth Press.

al-Attas, S.M.N. 1990. *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

- Atkins, H. D. R., dan Donnelly, T.M. 2006. Community service and moral development. Dlm. *Handbook of moral development*, M. Killen & J. G. Smetana (pnyt.). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.hlm. 633-656.
- Baharuddin. 2007. *Paradigma Psikologi Islami: Studi tentang Elemen Psikologi dari al-Quran*. Edisi ke-2. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Bronfenbrenner, U. & Morris, P. A. 1998. The Ecology of Developmental Processes. Dlm. *Handbook of Child Psychology*, Vol. 1: Theoretical Models of Human Development (5th ed.). New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Elizabeth Jaya Joseph. 1999. Effectiveness of Khatena Training Method on the Creativity of Form Four Students in a Selected School. Tesis Ph. D. Universiti Malaya.
- al-Farabi. 1970. *Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*. al-Bir Nasri Nadir (ed.). Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Ford, M.E. 1992. *Motivating Humans, A Review*. Newbury Park CA: Sage Publishing.
- al-Ghazali. 1995. *Raudhah*. Terj. Mohammad Luqman Hakiem. Surabaya: Risalah Gusti.
- al-Ghazali. 1977. *al-Risālat al-Ladūniyah*. Terj. Abdullah Mohammad. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim, Kitab Hal-hal yang Melembutkan Hati, no. 5983.
- Hasan Langgulung. 1992. *Manusia dan Pendidikan Suatu Analisa Psikologi dan Pendidikan*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Haeri, F. dan Frager, R. 1989. *The Journey of The self: An Islamic View to Understanding the self and its unified nature*. London: Element Books.
- Hakimin Hassan, Trainer Pusat Motivasi Alihan Pelajar. Dalam temubual dengan penulis. Kuala Lumpur: Wisma Belia (MAYC). Temu bual, 8 Oktober 2013.
- Jumani, N.B., Rahman, F. & K, Bibi. 2011. Potential of Non-Formal Basic Education in Promoting Woman Education in Pakistan. *International Journal of Instruction* 4 (1).
- Modul Motivasi Alihan Pelajar (Modul MAP). 2014. Kuala Lumpur: Pusat Motivasi Alihan Pelajar.

- Hodkinso, P., Makom, J., dan Colley, H. 2003. The interrelationships between informal and formal learning. Dlm. *Journal of workplace learning* 15(7): 313-318.
- Mahoney, J. L. 2000. School extracurricular activity participation as a moderator in the development of antisocial patterns. *Child Development* 71: 502-516.
- Merriam, S. B., dan Caffarella, R. S. 1999. *Learning in adulthood*. Edisi ke-2. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Kamil Abd Majid & Rahimin Affandi Abd Rahim. 2009. Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun. Dlm. *Jurnal Hadhari* 1: 45-76.
- Mohamed, Yasien 1998. Fitrah and Its Bearing on The Principles of Psychology. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 15 (4).
- Najāti, Muḥammad Uthmān. 1993. *al-Dirayah al-Nafsāniyyah 'inda Ulama' al-Muslimīn*. Kaheerah: Dār al-Syurūq.
- Noor Azli Muhamed Masrop, Nor Azan Mat Zin dan Abdul Halim Tamuri. *Rekabentuk Motivasi di Dalam Perisian Permainan Pembelajaran Jawi bagi Kanak-kanak: Pengintegrasian di antara Model Motivasi Barat dan Islam*. Putrajaya: Proceeding of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT. 1 Jun 2010. 377-385.
- Ormrod, J.E. 2006. *Educational Psychology: Developing Learner*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Program Motivasi Alihan Pelajar. Wisma Belia, Jalan Syed Putra. Observasi, 2013. Kuala Lumpur: Wisma Belia (MAYC).
- Program Motivasi Alihan Pelajar. Wisma Belia, Jalan Syed Putra. Observasi, 2014. Kuala Lumpur: Wisma Belia (MAYC).
- Rashid Kassim, Trainer dan Pengurus Pusat Motivasi Alihan Pelajar. Dalam temubual dengan penulis. Kuala Lumpur: Wisma Belia (MAYC). Temu bual, 22 Februari, 2013.
- Robert, E. F. 1982. *Human Motivation* Belmont. CA: Brooks/Cole.
- Tengku Asmadi Tengku Mohamad, Pengasas Motivasi Alihan Pelajar. Dalam temubual dengan penulis. Kuala Lumpur: Wisma Belia (MAYC). Temu bual, 15 Mei 2013.
- al-Ṭabarī. 1978. *Tafsīr al-Ṭabarī*. Jil. II. Beirut: Dār al-Fikr.